



KEMENTERIAN  
PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI

## SIARAN MEDIA

### TERKINI: KONFIGURASI SISTEM PERMOHONAN SYARIKAT UNTUK BEROPERASI SEDANG DITERUSKAN

---

Merujuk kepada makluman penangguhan akses ke sistem permohonan untuk syarikat beroperasi pada jam 1.00 tengahari hari ini, Kementerian Perdagangan Antarabangsa & Industri (MITI) ingin memaklumkan kerja-kerja konfigurasi sistem tersebut masih berjalan.

Pasukan teknikal yang turut dibantu pakar industri daripada sektor swasta telah bergabung tenaga untuk menyelesaikan isu yang dihadapi secepat mungkin dan sistem dijangka akan kembali beroperasi pada jam 6.00 petang. Sistem ini akan beroperasi 24 jam selepas isu-isu dapat diselesaikan.

MITI komited dalam menyelesaikan masalah teknikal ini dan menghargai kesabaran pihak industri.

**-TAMAT-**

**Menteri Perdagangan Antarabangsa & Industri (MITI)**

**Isnin, 13 April 2020**

#### **Tentang MITI:**

MITI adalah pemacu utama dalam menjadikan Malaysia sebagai destinasi pilihan bagi pelaburan berkualiti dan meningkatkan status negara ini sebagai sebuah negara perdagangan yang kompetitif di peringkat global. Objektif dan peranannya adalah berorientasikan ke arah memastikan pembangunan ekonomi yang pesat di Malaysia dan membantu mencapai matlamat yang dinyatakan di negara ini untuk menjadi sebuah negara maju.



KEMENTERIAN  
PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI

**Pertanyaan Media:**

Unit Komunikasi Strategik

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

Tel +603 6200 0082

Fax +603 6206 4293

E-mail [allpegkomunikasikorporat@miti.gov.my](mailto:allpegkomunikasikorporat@miti.gov.my)